



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 15 OKTOBER 2024**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                    | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>                           |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------|
| 1.         | PERAK PERLUAS LADANG BAWANG, NASIONAL, BH -19                                  | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)                                |
| 2.         | LEPAS PATIN SIAM DI TASIK BANDARAYA SHAH ALAM UNDANG RISIKO, SHAH ALAM, SH -26 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                                |
| 3.         | TASIK SHAH ALAM DIANCAM 'IKAN ALIEN', NEGARA, KOSMO -17                        |                                                                 |
| 4.         | RUJUKLAH JABATAN PERIKANAN DAHULU!, LOKAL, HM -12                              |                                                                 |
| 5.         | PENYELUDUP LARI TINGGAL LEMBU RM130,000, DALAM NEGERI, UM -34                  | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6.         | CABUT LARI TINGGALKAN 26 LEMBU, LOKAL, HM -7                                   |                                                                 |
| 7.         | DUA PENYELUDUP LARI TINGGAL 26 EKOR LEMBU RM130,000, NEGARA, KOSMO -12         |                                                                 |
| 8.         | 9 TAN KELAPA GAGAL MASUK THAILAND, NEGARA, KOSMO -16                           | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)                  |
| 9.         | LKIM HARAP BELANJAWAN 2025 DAPAT JADI PEMANGKIN, BISNES, HM -22                | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)                           |
| 10.        | GROUP HOPEFUL OF FISHERIES SECTOR BOOST FORM BUDGET, NATIONAL, THE SUN -4      |                                                                 |
| 11.        | AGROBANK TINGKAT KESEDARAN LESTARI, DUNIA, KOSMO -38                           | AGROBANK                                                        |
| 12.        | KERAJAAN DISARAN NAIKKAN HARGA BERAS TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -8             | LAIN-LAIN                                                       |
| 13.        | ISU BERAS PUTIH BOLEH SELESAI, DALAM NEGERI, UM -8                             |                                                                 |
| 14.        | BERNAS, KIMIA MALAYSIA TINGKAT PIAWAIAN BERAS, EKONOMI, UM -37                 |                                                                 |
| 15.        | KIMIA MALAYSIA PERKUKUH BERNAS, NEGARA, KOSMO -13                              |                                                                 |
| 16.        | STATE GOVT GIVES NEW BOATS, ENGINES TO 98 FISHERMEN, NEWS, THE STAR -5         |                                                                 |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Perak perluas ladang bawang

negeri dan usahawan berpotensi, dengan pelaksanaan latihan semula dan pengukuhan berterusan.

"Pada masa ini, penanaman seluas empat hektar telah dimulakan di Batang Padang dan empat hektar lagi di Kinta selepas kejayaan di Kampung Kuala Bikam, dengan anggaran pengeluaran keseluruhan 32 tan.

"Tanaman rintis (Kampung Kuala Bikam) sudah memasuki fasa kedua dan secara keseluruhan, tanamannya membawa di Perak seluas 10 hektar membabitkan projek di bawah selenggaraan Jabatan Pertanian Perak termasuk Lembaga

Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Perak," katanya, baru-baru ini Beliau berkata, pihaknya menerima bekalan bawang merah kecil dalam bentuk 'bulb' seberat tiga tan daripada Bahagian Pembangunan Industri Pertanian (BPIPT) untuk penanaman di Batang Padang.

## Kerjasama dengan MAIPK

Sementara itu, beliau berkata, kawasan penanaman akan diperluas melalui kerjasama strategik

## 10 hektar tanaman bantu kurangkan produk import

**Sungkai:** Jabatan Pertanian Perak memperluas kawasan penanaman bawang Perak sehingga 10 hektar bagi fasa kedua penanaman, sebagai usaha meningkatkan pengeluaran, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap import produk berkenaan.

Pengarah Jabatan Pertanian Perak, Norsiyenti Othman, berkata kejayaan projek rintis seluas satu hektar di Kampung Kuala Bikam, dekat sini yang menghasilkan 3.3 tan bawang pada tahun pertama April lalu menjadi titik tolak bagi usaha memperluas penanaman bawang dalam skala lebih besar.

Beliau berkata, inisiatif memperluas penanaman bawang ini dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara kerajaan



Pekerja memantau tanaman bawang di ladang milik pengusaha di Sungkai.

(Foto BERNAMA)

dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) untuk menanam bawang di tanah wakaf masjid seluruh negeri, membabitkan anggaran kawasan seluas empat hektar.

"Inisiatif ini selaras dengan matlamat Perak untuk memperkakan keterjaminan makanan dan mengurangkan kebergantungan kepada import seperti yang digariskan dalam Pelan Perak Sejahtera 2030 oleh Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad," katanya.

Norsiyenti berkata, penanaman bawang kali ini akan ditam-

bah baik berdasarkan penemuan daripada projek rintis terdahulu, termasuk dari segi jarak penanaman, kawalan perosak dan penyakit, pembajaan serta proses pengeringan.

Penambahbaikan ini dilakukan berdasarkan hasil pembelajaran daripada lawatan ke Indonesia sebelum ini.

Katanya, pada 2022 jumlah import bagi dua jenis bawang, iaitu bawang besar dan bawang kecil adalah 685,400 tan dengan nilai mencecah RM1.58 bilion.

Berdasarkan data statistik berkenaan, Malaysia mengimport

525,055.37 tan bawang dengan nilai RM944,990,373 dari 20 negara.

"Jumlah import tertinggi adalah dari India iaitu 321,776.16 tan, Belanda (77,772.55 tan), China (47,165.48 tan), Pakistan (42,957.62 tan), Thailand (12,186.52 tan) serta lain-lain negara.

"Krisis bekalan bawang pada 2020 yang berpunca daripada banjir besar di India mengakibatkan kenaikan harga sehingga tiga kali ganda.

"Sejak itu, Perak menjadi negeri pertama yang memulakan langkah penanaman bawang secara komersial," katanya. BERNAMA +

| TARIKH     | MEDIA        | RUANGAN   | MUKA SURAT |
|------------|--------------|-----------|------------|
| 15/10/2024 | SINAR HARIAN | SHAH ALAM | 26         |

## Lepas patin Siam di Tasik Bandaraya Shah Alam undang risiko

**SHAH ALAM** - Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) kecewa dengan tindakan pihak yang melepaskan ikan asing iaitu patin Siam (*Pangasianodon hypophthalmus*) ke dalam Tasik Bandaraya Shah Alam, baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, tindakan itu bukan sahaja mengancam ekosistem tasik, tetapi juga menimbulkan risiko kepada spesies tempatan dan keseimbangan biodiversiti.

"Pelepasan ikan asing tanpa kawalan boleh mengakibatkan persaingan sumber makanan dan habitat dengan spesies tempatan, serta membawa penyakit baharu yang boleh menjejaskan populasi ikan asal," katanya ketika dihubungi pada Isnin.

Noraisyah berkata, pihaknya menggesa orang ramai untuk tidak sewenang-wenangnya melepaskan ikan asing atau haiwan lain ke dalam tasik atau mana-mana sumber air awam.

"Pihak berkuasa juga akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mencegah tindakan seumpama ini daripada berulang," katanya.

Beliau berkata, mana-mana pihak yang berhasrat untuk membuat pelepasan umum, dinasihatkan merujuk DOF terlebih dahulu



- Patin Siam atau patin hitam ialah spesies patin (keluarga *Pangasiidae*) yang banyak dijumpai di Sungai Chao Phraya, Thailand dan Lembangan Sungai Mekong.
- Awalnya ikan asing ini dibawa masuk untuk tujuan rekreasi memancing di kolam, ikan hiasan dan juga ternakan akuakultur.



**NORAISYAH**

bagi memastikan spesies ikan yang hendak dilepaskan itu adalah spesies ikan asli Malaysia di perairan tersebut.

"Kerjasama semua pihak amat diperlukan untuk memastikan kelestarian ekosistem tasik dan perlindungan spesies tempatan," katanya.

Sebelum itu, tular pelepasan ikan patin Siam bagi pertandingan memancing di Tasik Bandaraya

Shah Alam.

Pelepasan ikan itu turut diuar-uarkan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menerusi satu posting di Facebook rasminya.

# Tasik Shah Alam diancam ‘ikan alien’

**SHAH ALAM** – Jabatan Perikanan Selangor mendedahkan terdapat pihak tertentu yang melepaskan ‘ikan alien’ jenis patin Siam di Tasik Bandaraya Seksyen 14 di sini baru-baru ini, yang boleh mengancam ekosistem tasik.

Pengarahnya, Noraisyah Abu Bakar berkata, pelepasan ikan asing tanpa kawalan juga boleh mengakibatkan persaingan sumber makanan dan habitat dengan spesies tempatan.

Selain itu, katanya, ia menimbulkan risiko kepada spesies ikan

tempatan dan keseimbangan biodiversiti.

“Malah, ia boleh membawa penyakit ‘baharu’ yang boleh menjejaskan populasi ikan asal,” katanya dalam kenyataan semalam.


Terdahulu, tular pelepasan spesies ikan asing tersebut atau nama saintifiknya *Pangasiodon hypophthalmus* untuk satu pertandingan memancing.

Justeru, Noraisyah menggesa orang ramai untuk tidak sewenang-wenangnya melepaskan ikan asing atau haiwan lain

ke dalam tasik atau mana-mana sumber air awam.

Tambahnya, pihak berkuasa juga akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mencegah tindakan seumpama itu daripada berulang.

“Mana-mana pihak yang berhasrat untuk membuat pelepasan umum, dinasihatkan merujuk Jabatan Perikanan terlebih dahulu bagi memastikan spesies ikan yang hendak dilepaskan itu adalah spesies ikan asli Malaysia,” tegasnya.



Di Tasik Bandaraya Seksyen 14 atau dikenali Taman Tasik Shah Alam inilah lokasi patin Siam (gambar kecil) dilepaskan pihak tertentu.

| TARIKH     | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 15/10/2024 | HARIAN METRO | LOKAL   | 12         |

**Shah Alam:** Jabatan Perikanan Selangor kesal dengan tindakan pihak tertentu melepaskan spesies ikan asing jenis patin siam ke Tasik Shah Alam, baru-baru ini.

Pengarahnya Noraisyah Abu Bakar berkata, perbuatan itu bukan sahaja mengancam ekosistem tasik malah menimbulkan risiko kepada spesies tempatan dan keseimbangan

## LEPAS IKAN PATIN SIAM KE TASIK SHAH ALAM

# Rujuklah Jabatan Perikanan dahulu!

biodiversiti.

"Pelepasan ikan asing tanpa kawalan boleh mengakibatkan persaingan persaing sumber makanan dan habitat dengan spesies tempatan serta membawa penyakit baru yang menje-

jakan populasi ikan asal. "Kami menggesa orang ramai untuk tidak sewenang-wenangnya melepaskan ikan asing atau haiwan lain ke dalam tasik atau mana-mana sumber air awam," katanya ketika

dihubungi semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang bagi mencegah tindakan sama daripada berulang. Sehubungan itu, kata-

nya, pihak berhasrat membuat pelepasan umum diminta merujuk Jabatan Perikanan Selangor terlebih dahulu bagi memastikan spesies ikan yang hendak dilepaskan itu adalah spesies ikan asli Malaysia di

perairan terbabit.

"Kerjasama semua pihak diperlukan untuk memastikan kelestarian ekosistem tasik dan perlindungan spesies tempatan.

"Kami akan terus menjalankan program kesedaran awam mengenai kepentingan menjaga ekosistem akuatik dan tindakan yang perlu diambil untuk memelihara biodiversiti," katanya.

| TARIKH     | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|------------|-----------------|--------------|------------|
| 15/10/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 34         |



SEBAHAGIAN lembu yang dirampas anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) dalam serbuan di tebing Sungai Golok, Tanah Merah, Kelantan semalam. - IHSAN ATM

## Penyeludup lari tinggal lembu RM130,000

**TANAH MERAH:** Dua penyeludup tidak sempat mengaut keuntungan hasil jualan 26 ekor lembu bernilai RM130,000 selepas diserbu anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) di tebing Sungai Golok, di sini semalam.

Serbuan pukul 1.15 pagi itu dilakukan sepasukan anggota TDM itu dilakukan menerusi rondaan rutin di Kawasan Tanggungjawab Briged Kelapan Infantri Malaysia (KTJ 8 Bgd) di sini.

Markas Divisyen Kedua Infan-

tri Malaysia (Dua Divisyen) dalam satu kenyataan memaklumkan, semasa melakukan rondaan, anggota bertugas mengesan dua lelaki sedang membawa masuk lembu dari Thailand secara tidak sah menggunakan pangkalan haram dengan merentasi Sungai Golok.

Katanya, seurus selepas menyedari kehadiran anggota bertuga, kedua-dua suspek melarikan diri ke negara jiran.

"Pemeriksaan di lokasi membawa kepada penemuan 26 ekor

lembu bernilai RM130,000 yang ditinggalkan penyeludup berkenaan.

"Satu laporan polis berkaitan rampasan haiwan ternakan dibuat di Balai Polis Nibong di sini untuk tindakan lanjut," katanya.

Menurut kenyataan itu, kesemua lembu tersebut diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majis) Rantau Panjang untuk tindakan lanjut.

## Cabut lari tinggalkan 26 lembu

**Tanah Merah:** Tentera Darat Malaysia (TDM) merampas 26 lembu bernilai RM130,000 yang dipercayai diseludup dari Thailand melalui Sungai Golok di Kampung Nibong, di sini, pagi kelmarin.

Menurut kenyataan Mar- kas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Divisyen), ram- pasan itu dilakukan jam 1.15 pagi di kawasan Briged Ke- lapan Infantri Malaysia.

Katanya, anggota yang bertugas pada mulanya mengesan dua lelaki se- dang membawa masuk hai- wan terbabit dari Thailand dengan merentasi Sungai Golok.

"Anggota kemudian me- ngawasi segala pergerakan penyeludup terbabit sebe- lum menyerbu, namun suspek melarikan diri ke sempadan Thailand.

"Suspek · meninggalkan 26 lembu dengan nilai ram- pasan sebanyak RM130,000.

Satu laporan polis ber-



LEMBU yang diseludup dari Thailand melalui Sungai Golok di Kampung Nibong, Tanah Merah.

kaitan rampasan haiwan ternakan dibuat di Balai Po- lis Nibong.

"Haiwan rampasan su- dah diserahkan kepada pi- hak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksa- an Malaysia (Maqis) Ran- tau Panjang, manakala kes- penyeludupan ini akan di-

siasat oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan terus komited dalam menjamin keselamatan sempadan negara dan tidak akan berkompromi dengan sebarang aktiviti jenayah rentas sempadan.

## Dua penyeludup lari tinggal 26 ekor lembu RM130,000

**TANAH MERAH** – Hajat dua penyeludup untuk mengaut keuntungan hasil jualan sebanyak 26 ekor lembu bernilai RM130,000 tidak kesampaian apabila kegiatan mereka dihidu anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) di tebing Sungai Golok, di sini kelmarin.

Serban dijalankan kira-kira pukul 1.15 pagi semasa anggota tentera menjalankan rondaan rutin di Kawasan Tanggungjawab Briged Kelapan Infantri Malaysia (KTJ 8 Bgd) di sini.

Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (Dua Divisyen) dalam satu kenyataan berkata, anggota bertugas mengesan dua lelaki sedang menyeludup lembu dari Thailand melalui pangkalan haram dengan merentasi Sungai Golok.

Menurutnya, kedua-dua suspek terus bertindak melarikan diri ke negara jiran dengan menyeberang Sungai Golok selepas menyedari kehadiran anggota tentera.

Pemeriksaan di kawasan tebing sungai menjumpai sebanyak 26 ekor lembu yang dianggarkan bernilai RM130,000 telah ditinggalkan penyeludup berkenaan.

"Satu laporan polis berkaitan rampasan haiwan ternakan itu telah dibuat di Balai Polis Nibong untuk tindakan lanjut," katanya.

Katanya, kesemua lembu itu diserahkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majlis) Rantau Panjang untuk tindakan lanjut.

Tambahnya, TDM akan terus komited dalam menjamin keselamatan sempadan negara dan tidak akan berkompromi dengan sebarang aktiviti jenayah rentas sempadan.



**SEBAHAGIAN lembu seludup yang dirampas di kawasan tebing Sungai Golok dekat Tanah Merah kelmarin.** – IHSAN DUA DIVISYEN



LORI dipandu suspek yang ditahan selepas dipintas di Pos Nibong. Tumpat semasa cuba menyeludup sebanyak 9 tan kelapa ke Thailand kelmarin.

PGA gagalkan cubaan seludup 9,000 kg kelapa

## 9 tan kelapa gagal masuk Thailand

**TUMPAT** – Batalion 9 Pasukan Gerakan Am (PGA) sekali lagi menggagalkan cubaan menyeludup sebanyak lebih 9 tan kelapa ke Thailand selepas menahan sebuah lori yang melalui sekatan pintas di Pos Nibong di sini kelmarin.

Pemandu lori berusia 27 tahun itu ditahan kira-kira pukul 2.15 petang dipercayai sedang dalam perjalanan untuk menghantar buah tersebut ke sempadan sebelum ia diseludup ke negara jiran.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Halim berkata, pemeriksaan terhadap sebuah lori jenis Hino itu kemudian menjumpai lebih 9,000 kg kelapa.

Menurutnya, siasatan mendapati, pemandu lori itu dipercayai

**Gagal seludup 41 tan kelapa ke Thailand**

### KERATYAN Kosmo! semalam.

berperanan sebagai penghantar gagal mengemukakan dokumen yang sah berkait muatan kelapa yang dibawanya.

"Nilai rampasan termasuk lori dan kelapa yang dirampas dianggarkan bernilai RM45,000.

"Suspek dan barangan rampasan diserahkan kepada kompeni taktikal (Komtak) Pengkalan Kubor di sini untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nik Ros Azhan memberitahu, kes disiasat mengikut Peraturan 4(2)(b) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 141 Rancangan Pemasaran Kelapa 1973.

Tambahnya, PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan daripada terus berleluasa di sempadan negara.

Kosmo! semalam melaporkan, hajat seorang pemandu treler untuk menyeludup sebanyak 41 tan kelapa ke Thailand tidak kesampaian apabila ditahan dalam sekatan jalan raya Netting, Pengkalan Kubor di sini Sabtu lalu.

Lelaki berusia 33 tahun itu dicekup oleh sepasukan anggota PGA pada pukul 10.15 malam semasa menjalankan Ops Taring Wawasan Kelantan.

| TARIKH     | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|--------------|---------|------------|
| 15/10/2024 | HARIAN METRO | BISNES  | 22         |

TRANSFORMASI SEKTOR PERIKANAN

LKIM harap Belanjawan 2025 dapat jadi pemangkin

**Seremban:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berharap Belanjawan 2025 yang bakal dibentangkan pada Jumaat ini dapat menjadi pemangkin kepada transformasi sektor perikanan, dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesejahteraan hidup nelayan.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, melalui pemberian subsidi yang berterusan,

layan yang bergantung kepada bantuan dan sokongan kerajaan melalui pelbagai program yang disediakan oleh LKIM," katanya kepada Bernama di sini, semalam.

Muhammad Faiz berkata, kos sara hidup yang semakin meningkat, termasuk kos bahan api dan peralatan juga memberi tekanan besar kepada komuniti nelayan.

"Dalam usaha menjaga kebajikan mereka, kami

berharap ada peningkatan dalam elaun sara hidup bagi nelayan. Kenaikan ini harus selaras dengan kadar inflasi dan kos operasi semasa untuk membantu meringankan beban kewangan nelayan.

"Langkah ini dilihat sebagai usaha memastikan kesejahteraan komuniti nelayan terus terjaga dan taraf hidup mereka dapat ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata, dengan sokongan berterusan da-

ri pada kerajaan, sektor perikanan berpotensi berkembang lebih lestari, sementara kehidupan nelayan dapat dipertingkatkan secara keseluruhan.

Selain itu, beliau menekankan keperluan untuk terus menggalakkan lebih ramai nelayan mendaftar sebagai ahli persatuan bagi memastikan mereka tidak terlepas daripada menerima pelbagai manfaat yang disediakan oleh kerajaan. - Bernama

| TARIKH     | MEDIA   | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|------------|---------|----------|------------|
| 15/10/2024 | THE SUN | NATIONAL | 4          |

## Group hopeful of fisheries sector boost from Budget

**SEREMBAN:** The Fisheries Development Authority of Malaysia hopes that Budget 2025 will drive transformation in the fisheries sector, with a focus on enhancing the well-being of fishermen.

Its chairman Muhammad Faiz Fadzil said continuous subsidies, increased cost of living allowances, and the government's ongoing support for modern technology adoption could positively impact fishermen's income, while contributing to the growth of a more sustainable fisheries sector.

"Currently, 81,991 fishermen are registered with the authority nationwide. This figure highlights the size of the fishing community relying on government assistance through various programmes," he said.

Muhammad Faiz added that the rising cost of living, particularly fuel and equipment expenses, has significantly impacted the fishing community.

"To safeguard their welfare, we hope for an increase in the fishermen's cost of living allowance.

"This adjustment should align with inflation rates and current operational costs to help ease their financial burden.

"This is seen as one of the measures to protect the well-being of the fishing community and elevate their standard of living," he said.

Muhammad Faiz added that with continued government support, the fisheries sector could develop sustainably, leading to overall improvements in the lives of fishermen.

He also emphasised the need for ongoing efforts to encourage more fishermen to register as members of the association to ensure they can benefit from the government's support programmes.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim will table Budget 2025, the third budget under the unity government, on Friday in the Dewan Rakyat. – Bernama

| TARIKH     | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|------------|-------|---------|------------|
| 15/10/2024 | KOSMO | DUNIA   | 38         |



**TENGGU AHMAD BADLI SHAH** (empat dari kiri) pada majlis pelancaran program Bulan Kelestarian di Kuala Lumpur semalam.

# Agrobank tingkat kesedaran lestari

**KUALA LUMPUR** – Agrobank telah memperuntukkan RM15,000 untuk menjayakan program Bulan Kelestarian bagi memperkasakan kelestarian alam sekitar dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kerjanya.

Menurut Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, pihaknya telah bekerjasama dengan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) untuk menjayakan bulan kelestarian ini.

“Usaha melestarikan alam sekitar ini bukan sekadar tanggungjawab satu pihak, tetapi turut melibatkan seluruh lapisan masyarakat termasuk orang awam.

“Inisiatif ini akan dapat mendidik warga kerja Agrobank membudayakan amalan mesra alam dalam kehidupan seharian mereka.

“Melalui penglibatan yang aktif ini, mereka bukan sahaja dapat memastikan kualiti kehidupan yang mampan tetapi turut menyumbang kepada

kesejahteraan bumi secara keseluruhan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran program tersebut di ibu pejabat Agrobank di sini semalam.

Ahmad Badli berkata, pihaknya turut menyediakan pelbagai aktiviti menarik untuk warga kerja Agrobank seperti sesi perkongsian pengetahuan, aktiviti pertanian bandar dan bengkel interaktif kelestarian alam sekitar.

15/10/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

8

# Kerajaan disaran naikkan harga beras tempatan

Oleh **NURUL IRDINA SOMALI**  
utusannews@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan disarankan menaikkan harga Beras Putih Tempatan (BPT) bagi membantu pemain industri yang terkesan dengan ketidakstabilan harga makanan ruij tersebut, terutamanya golongan petani.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) Abdul Rashid Yob berkata, selagi harga beras tidak dinaikkan, pengguna dan pengilang akan terus berdepan masalah dari segi harga belian padi dan harga benih.

"Dulu, harga padi adalah RM1,200 per tan, harga benih di pintu kilang RM28 dan harga beras putih sekitar RM2.60 sekilogram. Ketika itu, keadaan tersebut dianggap stabil dan menguntungkan bagi semua pihak.

"Selepas Covid-19, harga belian padi meningkat daripada RM1,008 disebabkan kenaikan kos, termasuk benih yang naik



**Selagi harga beras tidak dinaikkan, pengguna dan pengilang akan terus berdepan masalah dari segi harga belian padi dan harga benih."**

**ABDUL RASHID YOB**

tiga kali ganda semasa pandemik Covid-19, mencecah RM58 hingga RM60.

"Situasi itu memberi tekanan kepada harga beras, yang masih di bawah paras RM2.60, sekilogram menjadikannya tidak seimbang dan tidak adil," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menteri Pertanian dan Ke-

terjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu baru-baru ini dilaporkan berkata, perbincangan berhubung cadangan menaikkan harga beras masih diteruskan antara kementerian-kementerian lain.

"Sekarang masih di peringkat perbincangan dan akan menuju ke penyelesaian terakhir. Ia akan dimuktamadkan sebelum Oktober, insya-Allah. Sebarang perubahan harga dan sebagainya membabitkan perbincangan antara empat hingga lima kementerian," katanya.

Mengulas lanjut, Rashid berkata, kerajaan perlu berjiwa besar dengan menaikkan harga beras tempatan kepada lebih RM3.50 sekilogram bagi mengimbangi kos yang dihadapi oleh pengilang dan petani, serta memastikan industri ini dapat bertahan dalam jangka panjang.

"Jika tidak, kerajaan perlu mengeluarkan subsidi. Namun, dalam keadaan semasa, rasanya sukar untuk kerajaan menanggung subsidi yang besar," tambahnya.

## Isu beras putih boleh selesai

**PETALING JAYA:** Masalah kehilangan Beras Putih Tempatan (BPT) yang melanda negara dapat diselesaikan dengan wujudnya pengasingan dan penggabungan penguat kuasa dalam sektor padi dan beras.

Pensyarah Jabatan Perniagaan dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Agrikultur, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Norsida Man berkata, pengasingan kuasa yang membabitkan tiga sektor padi dan beras itu merupakan langkah terbaik kerajaan dalam menyelesaikan masalah ketirisan dan kehilangan melibatkan makanan ruij itu.

Katanya, tadbir urus melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) serta wakil kerajaan dalam PadiBeras Nasional (BERNAS) akan lebih telus dan gerak kerja yang lebih bagus.

"Saya lihat masalah kehilangan BPT akan dapat diatasi jika gerak kerja, penambahan pega-

wai, keterbukaan dan ketelusan ditambah dan diamalkan dalam pengasingan itu nanti," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Sebelum ini, akhbar ini melaporkan pengasingan kuasa, penggabungan penguat kuasa dan peraturan baharu antara agenda reformasi dirangka kerajaan untuk sektor padi negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata, langkah pertama agenda itu adalah pemantapan tatakelola iaitu pengasingan kuasa yang akan dilaksanakan segera.

Langkah lain, katanya, adalah pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam melalui kajian penggabungan semua penguat kuasa dari tujuh agensi.

Tujuh agensi yang terlibat merupakan Kawalselia Padi dan Beras (KPB); Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQJS); Jabatan Pertanian Malaysia (DOA); Jabatan

Perkhidmatan Veterinar (DVS); Jabatan Perikanan Malaysia (DOF); Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Dalam pada itu, mengulas mengenai penggabungan tujuan agensi di bawah KPKM, Pakar Keterjaminan Makanan Prof. Datuk Dr. M. Nasir Shamsudin berkata, ia merupakan satu langkah bijak dalam memperkemaskan operasi untuk perkhidmatan yang lebih cekap dalam isu keterjaminan makanan.

"Isu penggabungan beberapa agensi kerajaan boleh memberi pelbagai faedah, terutamanya dari segi kecekapan, penjimatan kos dan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik.

"Apabila agensi dengan fungsi bertindih bergabung, ia menghapuskan peranan pendua, program dan proses pentadbiran. Ini boleh membawa kepada penjimatan belanjawan yang ketara dengan memperkemaskan operasi," jelasnya.

# BERNAS, KIMIA Malaysia tingkat piawaian beras

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**  
nazlina.nadzari@mediamuliacom.my

**PETALING JAYA:** Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), pemain utama di dalam industri beras negara memeterai Nota Kerjasama bagi melaksanakan ujian perbandingan antara makmal (ILC) dan ujian kemahiran untuk aktiviti penggredan beras.

Nota Kerjasama tersebut ditandatangani bersama Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Melalui kerjasama ini, BERNAS akan menyokong KIMIA Malaysia dalam membangunkan kaedah, menyediakan latihan penganalisan ke atas sampel beras dan membincangkan isu-isu berkaitan penganalisan beras untuk tujuan ujian perbandingan antara makmal, di samping meningkatkan ujian kemahiran bagi analisis beras.

Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Aminuddin Hassim berkata, pihaknya mengalu-alukan kerjasama antara BERNAS dan KIMIA Malaysia di dalam ILC dan ujian kecekapan yang julung kali diadakan untuk penggredan beras.

"Kami yakin inisiatif ini akan menjadi pemangkin kepada perubahan ke atas industri padi dan beras negara, sekali gus



**ZULKIFLEE Abdul Rahman (kiri) dan Marhayani Md Saad (kanan) menandatangani Nota Kerjasama tersebut sambil disaksikan oleh Aminuddin Hassim (dua dari kanan) dan Rohani Abdul Karim.**

memberikan kesan yang positif kepada kualiti, keselamatan makanan dan kebolehpercayaan rantaian bekalan padi dan beras dalam jangka masa panjang," katanya dalam kenyataan.

Nota kerjasama ini ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BERNAS, Zulkiflee Abdul Rahman dan Ketua Pengarah KIMIA Malaysia, Marhayani Md Saad.

Aminuddin menyaksikan majlis menandatangani perjanjian tersebut bersama Pengerusi BERNAS, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Makmal BERNAS yang merupakan makmal pertama diiktiraf di Malaysia dan rantau Asia Tenggara melalui ISO17025 bakal mengukuhkan lagi usaha untuk meningkatkan kualiti beras secara keseluruhan di negara ini, selain daripada memastikan konsistensi, kebolehpercayaan dan pematuhan kepada spesifikasi berdasarkan standard yang ditetapkan.

Ini merupakan inisiatif yang pertama seumpamanya di negara ini kerana tiada penyedia program ujian perbandingan antara makmal yang lain bagi

skop penggredan beras.

"Kerjasama ini bukan sahaja selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi yang didorong oleh sains, teknologi dan inovasi (STI), malah ia juga menyokong agenda keterjaminan makanan negara dan meningkatkan daya saing industri beras Malaysia.

"Kami menantikan hasil positif daripada kerjasama ini dan mengalu-alukan penyertaan lebih banyak makmal di seluruh negara dalam masa terdekat," ujar Aminuddin.

Meterai nota kerjasama tingkatkan industri padi, beras negara

# Kimia Malaysia perkukuh Bernas

Oleh KOSMOI

**PETALING JAYA** – Jabatan Kimia Malaysia (Kimia Malaysia) akan menyokong Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dalam membangunkan kaedah dan menyediakan latihan analisa ke atas sampel sebagai inisiatif kepada perubahan ke atas industri padi dan beras negara.

Kerjasama itu terhasil selepas kedua-dua syarikat itu memeterai nota kerjasama bagi melaksanakan ujian perbandingan antara makmal (ILC) dan kemahiran pengedaran beras.

Kimia Malaysia berkata, isu-isu berkaitan penganalisaan beras untuk tujuan ujian perbandingan antara makmal di samping meningkatkan ujian kemahiran bagi analisis beras turut dibincangkan dalam pemeteraian itu.

"Ini merupakan inisiatif yang pertama seumpamanya di negara ini kerana tiada penyedia program ujian perbandingan antara makmal yang lain bagi skop peng-

mengukuhkan lagi usaha untuk meningkatkan kualiti beras secara keseluruhan di negara ini.

Selain itu katanya, ia memastikan konsistensi, kebolehpayaan dan pematuhan kepada spesifikasi berdasarkan standard yang ditetapkan.

Aminuddin dalam ucapan pada majlis itu berkata, pihaknya mengalu-alukan kerjasama di antara Bernas dan Kimia Malaysia di dalam ILC dan ujian kecakapan yang julung kali diadakan untuk pengedaran beras.

"Ia memberikan kesan yang positif kepada kualiti, keselamatan makanan dan kebolehpayaan rantaian bekalan padi dan beras dalam jangka masa panjang," katanya.

Tambah beliau, kerjasama itu juga selaras dengan aspirasi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi yang didorong oleh sains, teknologi dan inovasi sekali gus menyokong agenda keterjaminan makanan negara.



**ZULKIFLEE (kiri) dan Marhayani (kanan) menandatangani nota kerjasama sambil disaksikan Aminuddin (belakang kanan) dan Rohani.**

edaran beras," kata kenyataan itu semalam.

Nota kerjasama itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bernas, Zulkiflee Abdul Rahman dan Ketua Pen-

garah Kimia Malaysia, Marhayani Md. Saad sambil disaksikan

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Aminuddin Hassim dan Pengerusi Bernas, Datuk Seri Ro-

hani Abdul Karim.

Menurut Kimia Malaysia, makmal Bernas yang merupakan makmal pertama diiktiraf di Malaysia dan rantau Asia Tenggara melalui ISO17025 bakal



Majlis Kesyukuran Penyempurnaan Serahan Baituan Bot & Enjin dan Doa Selamat bagi Kerja-kerja Pembinaan Bangsal Nelayan

Some of the 98 fishermen during the boat and engine handover ceremony at the Permatang Tepi Laut Fishermen Unit Hall. — Courtesy photo

## State govt gives new boats, engines to 98 fishermen

By K. KASTURI DEWI  
north@thestar.com.my

NEW boats and engines from the Penang government were given to 98 fishermen registered under the Social Impact Management Plan (SIMP) that is part of the Silicon Island project.

The fishermen from Sungai Batu village as well as Teluk Kumbar and Gertak Sanggul suburbs included 77 boat owners from the Permatang Tepi Laut Fishermen Unit.

A further 194 fishermen from the same village and suburbs will also receive the assistance.

Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PICSB) chief executive officer Datuk Seri Farizan Darus said the next batch of recipients will be selected based on the order of their

SIMP registration and the condition of their boats and engines. Even though the fishermen were not directly impacted by the ongoing Penang South Island project, he said the government would continue to support them.

The 930ha nine-year sea reclamation project that began in September 2023 is now focused on Silicon Island, the first of three islands in the development plans.

"Depending on the boat owner's brand preference, each new boat is 8.2m-long and 2.2m-wide, equipped with high-capacity engines of 90 or 100 horsepower."

"Each eligible Tier 1 boat owner will also receive equipment to help them venture fur-

ther and achieve higher catches," Farizan said during the boat and engine handover as well as prayer ceremonies for the construction of fishermen sheds at the Permatang Tepi Laut Fishermen Unit hall.

Farizan also announced that the state had given RM10,599,260 in ex-gratia payments to fishermen registered under the SIMP scheme.

Out of the 877 fishermen under the scheme, 680 have received full payment while 53 have received 75% of their ex-gratia.

"The payment process is ongoing for the remaining fishermen whose supporting documents are still being vetted," he said.

Under the SIMP scheme, Permatang Tepi Laut boat owners who dock their boats in the Sungai Bayan Lepas area are also eligible for new sheds. Two prototype sheds were completed and handed over to fishermen in October 2023.

Farizan said the remaining 61 sheds will be built in phases.

"Construction for the first phase, consisting of 12 sheds, has already begun and should be completed by August 2025."

The SIMP scheme also offers up-skilling such as a helmsman course for fishermen seeking other income sources.

To date, 20 fishermen have obtained their Certificate of Competency from the Malaysia

Marine Department.

This allows them to offer water transport services.

From this group, five fishermen were hired as helmsmen for the Silicon Island project.

In addition, the SIMP scheme also provides educational aid to fishermen's children, including the Jaya Didik Tuition Subsidy and Tertiary Entry and Academic Excellence Award Programme.

Permatang Tepi Laut Fishermen Unit head Mohd Kassim Mohamed thanked the state for the SIMP aid.

Also present was Silicon Island Development Sdn Bhd strategic communications and stakeholder management director Azmi Mohamad.